



KANDUNGAN

BIL	TAJUK	M/SURAT
1.	Pengenalan	4
2.	Proses Kerja	4 - 6

PROJEK	RUJUKAN	KONF. PENGURUSAN	ID KESELAMATAN	VERSI	TARIKH	MUKA SURAT
<i>Sistem SPA-ICT</i>	Permohonan Online			1.0	20 Januari 2022	3 dari 6

© BAHAGIAN PEMBANGUNAN TEKNOLOGI MAKLUMAT, 2023

1. PENGENALAN

Sistem Pengurusan Aduan ICT Terengganu (SPA-ICT) telah dibangunkan untuk mengurus semua permohonan aduan yang diuruskan Bahagian Pembangunan Teknologi Maklumat kepada pengguna di jabatan bawah seliaan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu. Aduan-aduan yang dijalankan sebelum ini secara manual telah ditambahbaik dan akan diselaraskan di bawah satu pangkalan data agar ia mudah untuk dipantau dan diurus secara digital.

Objektif utama manual pengguna bagi modul Permohonan Online ini disediakan adalah bertujuan untuk memberi panduan kepada semua pengguna menggunakan SPA-ICT yang menggantikan penggunaan borang permohonan manual sebelum ini.


Permohonan boleh dibuat melalui laman sesawang <https://spaict.terengganu.gov.my>

2. PROSES KERJA

Proses kerja bagi sistem ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu :

i) Pengguna Tidak Berdaftar

a) Pendaftaran



Langkah 1 : Pendaftaran Aduan/ Pengadu

Pendaftaran aduan/ pengadu dibuat terus ke dalam sistem. Pengadu perlu mengisi butir-butir diri di dalam borang aduan seperti nama, jabatan dan emel. Semua maklumat yang bertanda * wajib diisi.

Langkah 2 : Pilihan Kategori Aduan

Semua aduan tertakluk kepada aduan yang disenaraikan sahaja dan pemohon boleh memilih kotak aduan yang disenaraikan.

Langkah 3 : Perincian Aduan

Aduan-aduan yang dipilih boleh diperincikan agar mudah pihak BPTM membuat semakan.


Langkah 4 : Lampirkan dokumen berkaitan

Lampirkan dokumen-dokumen yang berkaitan dengan aduan yang dibuat.

Langkah 5 : Hantar

Permohonan yang siap diisi boleh dihantar dengan menekan butang hantar.

b) Semakan



Langkah 1 : Semak Aduan

Pengadu boleh menyemak aduan yang telah dibuat dengan pilih menu 'Semak Aduan' dan masukkan id aduan atau emel pengadu yang didaftarkan.

Langkah 2 : Paparan status

Status aduan samaada sudah diambil tindakan atau belum akan terpapar.


Langkah 3 : Butiran Aduan Teperinci

Nombor aduan yang terpapar boleh diklik dan akan memaparkan maklumat aduan secara terperinci dan lengkap.

PROJEK	RUJUKAN	KONF. PENGURUSAN	ID KESELAMATAN	VERSI	TARIKH	MUKA SURAT
Sistem SPA-ICT	Permohonan Online			1.0	20 Januari 2022	4 dari 6
© BAHAGIAN PEMBANGUNAN TEKNOLOGI MAKLUMAT, 2023						


ii) Pengguna Berdaftar

a) Pendaftaran

**Langkah 1 : Pendaftaran Pengguna**

Pengguna perlu membuat pendaftaran sebelum dapat login ke dalam sistem aduan. Proses pendaftaran hanya memerlukan nama dan alamat emel serta pengesahan kata laluan pengguna.

b) Pendaftaran Aduan

**Langkah 1 : Log Masuk**

Pengguna sah yang sudah berdaftar boleh login ke dalam sistem dengan memasukkan email dan kata laluan.

Langkah 2 : Pendaftaran Aduan/ Pengadu

Pengguna boleh mengisi butir-butir diri di dalam borang pendaftaran seperti nombor telefon dan email. Semua maklumat yang bertanda * wajib diisi.

Langkah 3 : Pilihan Kategori Aduan

Semua aduan tertakluk kepada aduan yang disenaraikan sahaja dan pengguna boleh memilih kotak aduan yang disenaraikan

Langkah 4 : Perincian Aduan

Aduan-aduan yang dipilih boleh diperincikan agar mudah pihak BPTM membuat semakan.


Langkah 5 : Lampirkan dokumen berkaitan

Lampirkan dokumen-dokumen yang berkaitan dengan aduan yang dibuat.

Langkah 6 : Hantar

Permohonan yang siap diisi boleh dihantar dengan menekan butang hantar.

c) Semakan

**Langkah 1 : Semak Aduan**

Pengguna boleh menyemak aduan yang telah dibuat di menu 'Senarai aduan' dengan menekan aduan-aduan yang dipaparkan

Langkah 2 : Paparan status


Status aduan samaada sudah diambil tindakan atau belum akan terpapar.

Langkah 3 : Butiran Aduan Teperinci

Nombor aduan yang terpapar boleh diklik dan akan memaparkan maklumat aduan secara terperinci dan lengkap.

PROJEK	RUJUKAN	KONF. PENGURUSAN	ID KESELAMATAN	VERSI	TARIKH	MUKA SURAT
Sistem SLIT	Permohonan Online			1.0	20 Januari 2022	5 dari 6
© BAHAGIAN PEMBANGUNAN TEKNOLOGI MAKLUMAT, 2023						

d) **Kemaskini Aduan**



Langkah 1 : Log Masuk

Pengguna sah yang sudah berdaftar boleh login ke dalam sistem dengan memasukkan email dan kata laluan.

Langkah 2 : Semak Aduan

Pengguna boleh menyemak aduan yang telah dibuat di menu 'Senarai aduan' dengan menekan aduan-aduan yang dipaparkan.


Langkah 3 : Kemaskini Aduan

Semua aduan yang dibuat oleh pengguna boleh dikemaskini sama ada ingin membuat perubahan ataupun ia menghapuskan aduan tersebut.

Langkah 6 : Hantar

Aduan yang telah dikemaskini boleh dihantar dengan menekan butang hantar.

e) **Kemaskini Profil Pengguna**



Langkah 1 : Log Masuk

Pengguna sah yang sudah berdaftar boleh login ke dalam sistem dengan memasukkan email dan kata laluan.

Langkah 2 : Semak Profil

Pengadu boleh menyemak profil yang telah dibuat dengan menekan butang pfofil.


Langkah 3 : Kemaskini Profil

Profil pengguna boleh dikemaskini jika ada perubahan maklumat.

Langkah 6 : Hantar

Profil yang telah dikemaskini boleh dihantar dengan menekan butang hantar.

f) **Tukar Kata Laluan**



Langkah 1 : Log Masuk

Pengguna sah yang sudah berdaftar boleh login ke dalam sistem dengan memasukkan email dan kata laluan.

Langkah 2 : Semak Kata Laluan

Pengadu boleh menyemak profil yang telah dibuat dengan menekan butang Tukar Kata Laluan.

Langkah 3 : Kemaskini Kata Laluan

Kata Laluan boleh dikemaskini kepada kata laluan yang baru

Langkah 6 : Hantar

Kata Laluan baru yang telah dikemaskini boleh dihantar dengan menekan butang hantar.

PROJEK	RUJUKAN	KONF. PENGURUSAN	ID KESELAMATAN	VERSI	TARIKH	MUKA SURAT
Sistem SLIT	Permohonan Online			1.0	20 Januari 2022	6 dari 6

© BAHAGIAN PEMBANGUNAN TEKNOLOGI MAKLUMAT, 2023